

**Wanita UMNO Hulur Bantuan Kepada Warga Asing
Bernama
22 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata pihaknya akan membantu mangsa kemalangan bas warga Kanada yang berketurunan Bangladesh, Rashidah Buyah, 50.

Beliau berkata wanita malang itu kematian suaminya dalam nahas bas terjunam ke dalam gaung di Genting Highlands Rabu, yang meragut 37 nyawa, manakala dia dan dua anak mereka menerima rawatan di Hospital Selayang.

"Rashidah meluahkan kepada saya beliau bimbang kerana kehilangan dokumen perjalanan, wang dan barangan peribadi dalam kemalangan semalam," kata Shahrizat kepada Bernama.

Katanya, Wanita UMNO akan membantu Rashidah dan keluarganya mendapatkan rawatan di Malaysia dan memudahkan urusan mereka pulang ke negara asal.

Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara itu ditemui ketika melawat mangsa yang selamat di Hospital Selayang dan menyampaikan sumbangan kepada mereka.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971992>